

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU PENYEDIAAN MAKANAN**

Perbekalan dalam skim perkhidmatan ini adalah terpakai dan hendaklah dibaca bersama dengan perbekalan-perbekalan lain yang ditetapkan dalam Perbekalan Umum Skim Perkhidmatan.

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN : N1, N2, N3, N4
TARIKH KUAT KUASA : 1 DISEMBER 2024

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan (keutamaan kepada calon yang lulus subjek Ekonomi Rumah Tangga pada peringkat peperiksaan tersebut).
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,500.00); atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,561.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N1: RM1,622.00).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI
MINDA/PEPERIKSAAN**

3. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM
PERKHIDMATAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED N2**

5. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N1 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penyediaan Makanan Gred N2 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED N3**

6. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N2 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penyediaan Makanan Gred N3 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE
GRED N4**

7. Pembantu Penyediaan Makanan Gred N3 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Penyediaan Makanan Gred N4 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN KE
JAWATAN PENOLONG
PEGAWAI PENYEDIAAN
MAKANAN GRED C5**

8. Pembantu Penyediaan Makanan yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penyediaan Makanan Gred C5 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Penyediaan Makanan yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016).